

TINGKATAN 5 2024

BAHASA MELAYU

Kertas 1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM (SEPTEMBER)

2 jam

1103/1

Dua jam

SKEMA PEMARKAHAN

SKEMA JAWAPAN
Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 – 30	<u>Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan ransangan/tugasan. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut sistem ejaan rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.
	(28 – 30)	
	(26 – 27)	<u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan yang sesuai. *** Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain2.
KEPUJIAN	20 – 25	<u>Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan ransangan/tugasan. - Huraian jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Ejaan yang betul mengikut sistem ejaan Rumi yang baharu.
	(23 – 25)	
	(20 – 22)	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik. Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan yang sesuai.
MEMUASKAN	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan dengan tema bahan ransangan/tugas. - Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas/ terhad. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Ejaan masih mengikut sistem ejaan Rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. - Wacana masih lengkap. - Pemerenggan yang masih sesuai.
PENGUASAAN MINIMUM	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tugasan</u> - Karangan kurang menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea kurang relevan dengan tema bahan ransangan/tugas. - Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih kurang dari segi kata dan ayat. - Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. - Penggunaan kosa kata terhad

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi yang Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan kurang menarik. Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. - Wacana kurang lengkap. - Pemerenggan kurang sesuai.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01-09 (06– 09) (01– 05)	- Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Idea tidak menepati tema bahan ransangan/tugas. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B : Karangan Respon Terbuka

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan – kata (morfologi) - Ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	Tema Idea utama Pengembangan (huraian, bahasan, hujahan, contoh) kerelevanan
4. PENGOLAHAN	Wacana Logik Pemerenggan Format
5. GAYA BAHASA	Keindahan bahasa Ungkapan Peribahasa

Bahagian B (70 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64-70 (68-70) (64-67)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan - Pemerenggan yang sesuai - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
KEPUJIAN	55-63 (59-63) (55-58)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan - Pemerenggan yang sesuai - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
BAIK	45-54 (50-54) (45-49)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian masih jelas dan matang. - Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan kosa kata umum. - Ejaan dan tanda baca yang masih betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. - Pemerenggan yang masih sesuai - Wacana masih lengkap. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
MEMUASKAN	35-44 (40-44) (35-39)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih/ kurang menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Huraian kurang jelas dan matang. - Contoh kurang sesuai. Bahasa - Ayat kurang gramatis - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Ejaan dan tanda baca yang masih betul tetapi terdapat kesalahan bahasa minimum. - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Pengolahan - Pengolahan kurang menarik. - Pemerenggan yang kurang sesuai - Wacana masih / kurang lengkap. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
PENGUASAAN MINIMUM	21-34 (28-34) (21-27)	Tugas - Karangan kurang menjawab tugas Idea - Idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk . - Huraian tidak jelas / tidak berkembang - Contoh tidak sesuai. Bahasa - Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. - Penggunaan kata kurang tepat - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. - Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. Pengolahan - Pengolahan tidak menarik.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang - Wacana masih / kurang lengkap.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 20 (11-20) (1-10)	- Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. - Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai.

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

- Jika calon menulis dalam bentuk point (Bahagian A dan B)- maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM
- BAHAGIAN B
 - Bilangan perkataan 511 ke atas –maksimum peringkat KEPUJIAN
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK.

Perkataan yang dikira sebagai satu tahap perkataan

- Puisi
- Alamat
- Tarikh
- Nama Khas

5. Peribahasa
6. Maksud hadis/ Al-Quran/ kata-kata tokoh
7. Penanda Wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata sendi 'di' dan 'ke'
10. Angka

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan nilai-nilai murni dalam pembentukan sahsiah murid.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang amalan nilai murni dalam pembentukan sahsiah murid.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Penerapan nilai murni secara bersepadu dalam sisipan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan yang diajar dengan menggabungkan aspek intelek, fizikal, mental dan rohani adalah sangat penting kepada pembangunan modal insan seseorang murid. Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, modal insan seimbang dan cemerlang akan dapat dihasilkan melalui sistem pendidikan yang menyeluruh.

Dipetik dan diubah suai daripada:
'Jurnal Amalan Penerapan Nilai Murni dalam Kalangan Pendidik Perakaunan'
oleh Noor Lela binti Ahmad, Noraishah binti Buang, Norasmah binti Othman.

SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN A

Format penulisan komen

T – Menepati tema

I - Relevan, huraian Jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P – Sangat menarik dan berkesan

Soalan :

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan nilai murni.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang nilai-nilai murni dalam pembentukan sahsiah murid.

1. Kehendak/tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **langkah/cara/usaha amalan nilai murni dalam pembentukan sahsiah murid.**

- i. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:
 - a. contoh-contoh amalan nilai murni
 - b. langkah -langkah menerapkan amalan nilai murni
 - murid menyertai pertandingan video pendek
 - penerapan nilai murni dalam sisipan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan
- ii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **langkah/cara/usaha menerapkan amalan nilai murni - DISEMAK DAN DITERIMA SEPERTI BIASA.**
- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan -MAKSIMUM KEPUJIAN
- v. Jika calon menulis langkah tanpa dinyatakan pihak – MAKSIMUM KEPUJIAN
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - MAKSIMUM KEPUJIAN
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan -MAKSIMUM MEMUASKAN

*****Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTTPM)**



SKEMA PENUH BAHAGIAN A

PPENDAHULUAN

- Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, modal insan seimbang dan cemerlang akan dapat dihasilkan melalui sistem pendidikan yang menyeluruh.

ISI 1 –Langkah-langkah menerapkan amalan nilai murni dalam pembentukan sahsiah seseorang murid.

1.PIHAK KERAJAAN MENGADAKAN KEMPEN AMALAN NILAI-NILAI MURNI

- Kempen amalan nilai-nilai murni dapat membentuk akhlak yang baik dalam kalangan murid.
- Sebagai contoh, Kempen Seni Budaya dan Nilai Murni disiarkan melalui media massa seperti saluran televisyen.
- Mengadakan pertandingan video pendek tentang amalan nilai murni.
- Impaknya, murid dapat memupuk nilai- nilai murni seperti kasih sayang, rajin , dan berani.

2. PENERAPAN NILAI MURNI DALAM SISIPAN MATA PELAJARAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN.

- Pihak sekolah menekankan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan murid
- Sebagai contoh, pihak sekolah boleh membudayakan amalan memberi salam dalam kalangan murid untuk memupuk nilai menghormati guru
- Tambahan pula, pihak sekolah boleh mengadakan pelbagai aktiviti kokurikulum seperti perkhemahan waja diri untuk mendidik murid-murid dengan nilai keberanian, kerjasama dan baik hati
- Secara tidak langsung dapat memupuk kekentalan dalam diri murid untuk terus mengamalkan nilai-nilai murni dalam hidup mereka.

KESIMPULAN

- Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh bahawa terdapat pelbagai langkah untuk memupuk amalan nilai murni. Besarlah harapan kita agar nilai-nilai murni ini dapat melahirkan masyarakat Madani yang penuh dengan sopan santunnya sehingga dikenali ke santero dunia.

SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN B

1.

Masalah disiplin murid di sekolah pada hari ini dikatakan berpunca daripada pengaruh rakan sebaya. Selain itu, ibu bapa juga menjadi penyebab utama kerana keadaan dan suasana dalam keluarga, ditambah pula unsur negatif yang disalurkan melalui media massa seperti filem yang memaparkan aksi lucu dan ganas.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, sebagai ketua pengawas di sekolah, anda dikehendaki untuk menyampaikan syarahan tentang punca-punca berlakunya masalah disiplin dalam kalangan murid.

Tuliskan syarahan tersebut selengkapnya.

Kehendak / tugas soal

1. Calon dikehendaki **menghuraikan punca-punca berlakunya masalah disiplin dalam kalangan murid** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu :
 - murid yang terlalu mengikut kehendak sendiri
 - ibu bapa menjadi penyebab utama
 - unsur negatif yang disalurkan melalui media massa.
2. Format Syarahan

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan dengan **punca-punca berlakunya masalah disiplin dalam kalangan murid – TERIMA SEPERTI BIASA.**
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – **MAKSIMUM KEPUJIAN.**
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – **MAKSIMUM KEPUJIAN**
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **MAKSIMUM BAIK**
5. Calon menghuraikan selain kehendak tugas – **MAKSIMUM MEMUASKAN**
6. Calon tidak menulis format syarahan – **MAKSIMUM KEPUJIAN**

SKEMA PENUH SOALAN 1

PENDAHULUAN

- Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Terima kasih pengerusi majlis, Yang Berusaha, Encik Hisyam bin Abdullah, Pengetua SMK Taman Cendana, Yang Dihormati Puan Suraya binti Shakir Penolong Kanan Pentadbiran, En Mohd Ali bin Yunus Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Puan Salbiah binti Murad Penolong Kanan Kokurikulum, guru-guru dan rakan-rakan sekalian.
- Berdirinya saya di sini adalah untuk menyampaikan syarahan yang bertajuk 'Punca-punca Berlakunya Masalah Disiplin dalam Kalangan Murid'.

ISI 1.- PENGARUH RAKAN SEBAYA

- Rakan mereka merupakan orang yang paling banyak meluangkan masa bersama-sama.
- Setiap tingkah laku rakan-rakan akan mempengaruhi tindakan mereka juga
- Contohnya, berkawan dengan individu yang sering melanggar peraturan-peraturan sekolah.
- Sikap buruk rakan-rakan akan mempengaruhi tindakan mereka.

ISI 2- IBU BAPA MENJADI PENYEBAB UTAMA

- Berlaku pergolakan seperti pergaduhan ibu bapa dan perceraian menyebabkan anak-anak terabai.
- Terdapat juga ibu bapa yang lebih mementingkan kerjaya berbanding dengan anak-anak sehingga mereka kurang mendapat pemantauan dan pengawasan daripada orang tua ibarat peribahasa seperti anak ayam kehilangan ibunya.
- Anak-anak akan lebih mudah terikut dengan budaya negatif seperti merokok, melepak dan memasuki kelab malam.
- Kesannya, anak-anak terdorong untuk melakukan pelbagai masalah sosial yang boleh mendatangkan impak yang buruk dalam hidup mereka.

ISI 3- UNSUR NEGATIF YANG DISALURKAN MELALUI MEDIA MASSA.

- Anak-anak lebih banyak meluangkan masa dengan telefon pintar.
- Banyak unsur negatif yang dipaparkan melalui media massa seperti tayangan video pornografi
- Permainan video seperti PUBG dan Mobile Legend menayangkan permainan yang berunsurkan keganasan sehingga menimbulkan keinginan remaja untuk melakukan perkara yang sama antaranya tembakan rambang dan pembunuhan.

PENUTUP

Kesimpulannya, isu masalah disiplin yang sering kita dengar telah mendatangkan kebimbangan semua pihak. Pelbagai inisiatif boleh diambil dan dilaksanakan, tetapi perkara yang lebih penting ialah ibu bapa mestilah memainkan peranan dan tanggungjawab dalam mengatasi masalah disiplin dalam kalangan remaja. Dengan kata lain, walau apapun langkah yang diambil oleh mana-mana pihak, tanpa kerjasama daripada ibu bapa, nescaya masalah ini sukar diatasi. Ambillah iktibar daripada peribahasa Melayu bersatu kita teguh bercerai kita roboh dalam mengatasi masalah ini. Justeru, peranan yang signifikan daripada semua pihak mampu menjadikan remaja hari ini sebagai pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.

2.

Sektor pertanian dipacu oleh Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) (2021-2025) dengan tumpuan khusus diberikan kepada transformasi sektor ini melalui Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0). Antara langkah yang dijalankan untuk memperkenalkan hasil pertanian kita ke negara luar ialah petani merangka strategi pemasaran terbaik. Selain itu, pihak kerajaan boleh memeterai perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dengan negara-negara serantau.

Dipetik dan diubah suai daripada :
<https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php>

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan usaha-usaha pelbagai pihak memperkenalkan hasil pertanian Malaysia ke luar negara.

KEHENDAK SOALAN

Kehendak / Tugas Soalan :

Calon dikehendaki membincangkan berkenaan usaha-usaha pelbagai pihak memperkenalkan hasil pertanian Malaysia ke luar negara.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan dengan usaha-usaha pelbagai pihak memperkenalkan hasil pertanian – **TERIMA SEPERTI BIASA.**
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – **MAKSIMUM KEPUJIAN.**
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – **MAKSIMUM KEPUJIAN**

4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **MAKSIMUM BAIK**
5. Calon menghuraikan selain kehendak tugas – **MAKSIMUM MEMUASKAN**

IDEA DALAM PETIKAN :

- i petani merangka strategi pemasaran terbaik
- ii pihak kerajaan boleh memeterai perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dengan negara-negara serantau.

SKEMA PENUH SOALAN 2.

PENDAHULUAN

Negara kita telah mengalami pembangunan yang pesat terutamanya dalam sektor perindustrian. Namun, kita perlu mengakui bahawa kerajaan juga memperuntukkan berbilion-bilion ringgit setiap tahun untuk mengimport makanan dari luar negara. Hal ini mengakibatkan kerajaan perlu mengeluarkan belanja yang sangat besar setiap tahun demi untuk memastikan sumber makanan di Malaysia mencukupi. Hakikatnya, banyak sumber makanan dapat dihasilkan di negara kita melalui sektor pertanian. Persoalannya, apakah usaha-usaha pelbagai pihak memperkenalkan hasil pertanian Malaysia ke luar negara?

ISI 1- PETANI MERANGKA STRATEGI PEMASARAN TERBAIK

- Strategi pemasaran yang berkesan membolehkan para usahawan tani memasarkan produk mereka ke luar negara
- Trend pasaran global dikuasai permintaan pengguna yang mementingkan kualiti sesuatu produk daripada aspek keselamatan pengguna
- Sebagai tamsilan, petani mematuhi standard antarabangsa dalam konteks penggredan, pembungkusan dan pelabelan
- Kesannya, dapat menarik lebih banyak negara membeli hasil keluaran petani Malaysia

ISI 2- PIHAK KERAJAAN BOLEH MEMETERAI PERJANJIAN PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA (WTO) DENGAN NEGARA-NEGARA SERANTAU

- Kementerian mensyarat dan menguat kuasakan agar semua produk makanan segar yang hendak dieksport perlu digred, dibungkus dan dilabel mengikut keperluan negara pengguna atau piawaian antarabangsa.
- Penggredan, pembungkusan dan pelabelan adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pemasaran keluaran pertanian tempatan supaya terus berdaya saing.
- Sebagai contoh, 'Euregap, CODEX, ISO' dan meningkatkan nilai tambah, manakala hasil keluaran pertanian perlu digred mengikut keseragaman saiz, kematangan, kerosakan dan kesegaran.
- Impaknya, keadaan ini dapat menjamin hasil pertanian yang dipasarkan, meningkatkan kecekapan pemasaran, mengurangkan kerugian dan pembaziran serta memastikan keluaran pertanian selamat digunakan.

ISI CADANGAN

-Media massa memainkan peranan dalam memperkenalkan hasil pertanian usahawan-usahawan tani di Malaysia ke peringkat global

- Rakyat di negara luar dapat mengetahui produk-produk pertanian yang terdapat di Malaysia dan kualiti
- Mereka akan berminat untuk merasai hasil produk tersebut.
- Sebagai contoh, mangga harum manis yang terdapat di Perlis, nanas madu dari Pontian, Johor dan durian musang king
- Kesannya pendapatan usahawan tani di Malaysia semakin bertambah.

PENUTUP

Kemajuan sektor pertanian dalam negara kita mampu mengurangkan kebergantungan negara kepada pengimportan hasil pertanian. Semua pihak harus berganding bahu bagi memastikan pemasaran produk pertanian usahawan tani di Malaysia dapat diterima di pasaran global. Jika semua pihak memberikan kerjasama dalam membangunkan sektor pertanian, tidak mustahil Malaysia akan dikenali sebagai salah sebuah negara yang terkehadapan dalam pengeluaran sektor pertanian utama di dunia.

3.

Setiap individu mempunyai cita-cita tersendiri yang menjadi impian untuk dicapai suatu ketika nanti. Alam pekerjaan pada dasarnya menentukan taraf hidup seseorang sama ada mampu menampung keperluan diri dan keluarga. Jika dahulu, kebanyakan murid terdedah dengan bidang pekerjaan seperti doktor, guru dan jurutera tetapi kini, zaman kian berubah sehingga muncul peluang pekerjaan baharu seperti pengengaruh media sosial dan pekerjaan kolar baharu. Menyedari hakikat ini, seseorang murid perlu membuat pelbagai persediaan sebelum menceburi bidang kerjaya.

Sumber: <https://hjmsaad.blogspot.com/2016/04/persiapan-menghadapi-alam-pekerjaan.html>

Bincangkan persediaan-persediaan seseorang murid sebelum menempuh alam pekerjaan.

KEHENDAK SOALAN

1. Calon dikehendaki menghuraikan persediaan-persediaan seseorang murid sebelum menempuh alam pekerjaan.
2. Calon perlu menghurai isi sendiri.

Cadangan Jawapan :

- Murid perlu mempunyai daya saing yang tinggi
 - Murid perlu mempunyai kelayakan akademik yang cemerlang
 - Murid perlu membuat persiapan mental
3. Jika calon menghurai selain kehendak tugas – **MAKSIMUM MEMUASKAN**

SKEMA PENUH SOALAN 3

PENDAHULUAN

- Sebaik sahaja mendapat keputusan SPM, golongan remaja di negara kita akan meneruskan kehidupan di luar persekolahan. Bagi yang mendapat keputusan baik, mereka akan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai bidang.
- Mereka yang mendapat keputusan yang kurang memuaskan atau faktor desakan hidup akan mencari pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan. Terdapat beberapa persediaan yang perlu dipertimbangkan dalam memilih kerjaya yang diminati.

ISI 1- MURID PERLU MEMPUNYAI DAYA SAING YANG TINGGI

- Seseorang yang bakal menempuh alam kerjaya juga perlu mempunyai daya saing yang tinggi.
- Pemuda-pemudi hari ini bakal berhadapan dengan dunia yang kian mencabar.
- Contohnya, remaja yang mempunyai daya saing yang tinggi ialah golongan yang mempunyai sifat tidak berputus asa dan gigih berusaha mencapai kejayaan.
- Apabila sifat ini mampu dikekalkan dalam apa-apa jua situasi, peluang untuk mencapai kejayaan akan sentiasa ada.
- Jelaslah bahawa seseorang perlu mempunyai daya saing yang tinggi dalam memilih kerjaya yang diminati agar tidak terlepas mendapat peluang keemasan.

ISI 2- MURID PERLU MEMPUNYAI KELAYAKAN AKADEMIK YANG CEMERLANG

- Untuk menghadapi alam kerjaya, seseorang juga perlu mempunyai kelayakan akademik yang tinggi.
- Dengan kelayakan ini, peluang untuk seseorang mendapat kerjaya yang sesuai akan lebih luas.
- Sebagai contoh, golongan yang mempunyai kelulusan yang tinggi dalam bidang kejuruteraan, bukan sekadar mempunyai peluang untuk menjadi seorang jurutera,

malahan berpeluang berkhidmat dalam sektor awam, menjadi pensyarah, kontraktor kelas tinggi dan menceburi perniagaan dalam bidang tersebut.

- Apabila berjaya mendapat peluang tersebut, sudah tentu akan menjanjikan pendapatan yang selesa bagi meneruskan kehidupan.
- Perkara ini ternyata bahawa dengan kelayakan akademik yang tinggi, mampu membuka peluang yang lebih luas kepada seseorang untuk menceburi kerjaya yang diminati.

ISI 3- MURID PERLU MEMBUAT PERSIAPAN MENTAL

- Seseorang yang ingin memasuki alam kerjaya juga perlu melakukan persiapan mental. Apabila kita melangkah ke arah alam kerjaya, kita perlu menjadi seorang yang lebih berdikari.
- Kita juga terpaksa belajar untuk menjalankan kehidupan sendiri, menguruskan kewangan dan juga menguruskan diri.
- Cabaran dalam pekerjaan juga lebih mencabar daripada cabaran sebagai seorang pelajar.
- Walau bagaimanapun, semua masalah ini dapat diselesaikan jika kita mempunyai permikiran yang bersedia dalam menghadapi segala cabaran.
- Misalnya, seseorang mestilah mampu menghadapi stres di tempat bekerja atau di rumah tanpa mempengaruhi prestasinya dalam menjalankan tugasnya.

PENUTUP

Kesimpulannya, terdapat banyak persediaan yang perlu dilakukan sebelum memasuki alam kerjaya. Alam kerjaya sememangnya lebih mencabar yang menuntut seseorang untuk melakukan pelbagai persediaan. Walau bagaimanapun, kita perlulah menghadapi dengan berani kerana cabaran-cabaran inilah yang bakal menjadikan kita seorang manusia yang lebih kuat dan kental. Hal ini bagi memastikan kita menjadi pekerja ideal pada masa hadapan dengan memiliki kemahiran dan kelayakan yang bersesuaian dengan bidang tugas yang dipilih.

4.

Mata pelajaran Sejarah sering dikatakan sukar oleh para pelajar pada masa ini. Mereka tidak memahami bahawa sejarah amat penting untuk dijadikan iktibar daripada peristiwa yang lalu. Mereka yang tidak mempelajari sejarah berkemungkinan mengulanginya dan membawa kepada kejatuhan negara.

Sumber: <https://bijaktekun.blogspot.com>

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, huraikan manfaat-manfaat mempelajari mata pelajaran sejarah.

KEHENDAK SOALAN

1. Calon dikehendaki menghuraikan manfaat-manfaat mempelajari mata pelajaran sejarah.
2. Calon dikehendaki menggunakan idea yang diberikan dalam stimulus (petikan) iaitu:
 - i. Dijadikan iktibar daripada peristiwa lalu

Isi Cadangan:

- i. Dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat
- ii. Dapat mengekalkan perpaduan kaum

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan satu idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan dengan manfaat-manfaat mempelajari mata pelajaran Sejarah – **TERIMA SEPERTI BIASA.**
2. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **MAKSIMUM BAIK**
3. Calon menghuraikan selain kehendak tugas – **MAKSIMUM MEMUASKAN**

SKEMA PENUH SOALAN 4

PENDAHULUAN

- Dalam dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini generasi muda semakin melupakan sejarah yang tercipta demi kemudahan hidup pada masa ini. Sejarah merupakan penemuan, pengumpulan, pengurusan, dan persembahan maklumat terhadap peristiwa silam atau lampau.
- Sejarah juga bermaksud tempoh masa yang lalu selepas catatan penulisan telah dicipta. Bagi memastikan masa hadapan masyarakat dan negara terus mencapai kemajuan, generasi muda yang bakal mengambil tempat pemimpin hari ini seharusnya mempelajari sejarah.
- Oleh sebab itu, banyak kepentingan yang akan diperoleh sekiranya generasi muda hari ini mempelajari mata pelajaran sejarah.

ISI 1- DIJADIKAN IKTIBAR DARIPADA PERISTIWA LALU

- Mempelajari sejarah akan dapat membantu generasi muda untuk dijadikan iktibar daripada peristiwa masa dahulu.
- Peristiwa-peristiwa sejarah yang terdahulu mengandungi pelbagai pengajaran yang tersirat.
- Contohnya, peristiwa Tanah Melayu dijajah dan ditindas oleh penjajah British memberi pengajaran kepada generasi muda supaya jangan terlalu mudah mempercayai orang asing.

- Penjajah digambarkan dengan licik dan jahat pada masa itu kerana sanggup menggunakan tipu muslihat atau taktik kotor untuk meluaskan kawasan jajahan mereka di tanah air kita.
- Generasi muda yang mempelajari sejarah dapat memperbaiki kesilapan masa lalu dan mencipta kejayaan yang lebih gemilang.
- Tanpa mempelajari kesalahan dan kesilapan masa lalu, kita mungkin mengulangi kesilapan lampau yang bukan sahaja merugikan seseorang individu tetapi mungkin juga kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Isi cadangan:

ISI - DAPAT MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN MASYARAKAT

- Kepentingan dalam mempelajari sejarah adalah memupuk semangat patriotik. Jika kita lihat keadaan pada hari ini, masyarakat tidak lagi menghargai jasa-jasa pejuang tanah air kita yang telah bersusah payah membebaskan negara kita daripada dijajah.
- Kita seharusnya mengingati jasa dan sumbangan tokoh-tokoh tanah air seperti Tunku Abdul Rahman, Tun H.S Lee dan Tun Dr. Ismail.
- Negarawan-negarawan ini telah berhempas pulas mencari jalan supaya kita dapat menikmati kemakmuran dan kedamaian untuk hidup dalam masyarakat hari ini.
- Oleh sebab itu, semangat patriotisme perlu dipupuk bagi memastikan mereka sentiasa bersyukur dan memberi penghargaan terhadap pengorbanan pejuang tanah air terdahulu.

ISI - DAPAT MENGEKALKAN PERPADUAN KAUM

- Selain itu, mempelajari sejarah akan menyemai perpaduan antara kaum. Sistem pendidikan yang terasing sedikit sebanyak merencatkan perkembangan perpaduan antara kaum pada hari ini.
- Namun begitu, dengan mempelajari sejarah, elemen perpaduan itu akan dipupuk secara tidak langsung.
- Kestabilan negara boleh diibaratkan seperti negara kita adalah pokok dan rakyat ibarat akar, pokok tidak akan berdiri kukuh tanpa akar begitu juga negara kita. Jika rakyat mengutamakan nilai perpaduan, keamanan dan kestabilan negara pasti akan terjamin.
- Negara kita pernah mencatatkan sejarah hitam selepas merdeka iaitu tragedi salah faham antara kaum pada 13 Mei 1969. Tragedi ini meragut banyak nyawa dan perpaduan negara itu diibaratkan seperti telur di hujung tanduk.
- Selepas terjadinya peristiwa hitam ini, kita mestilah sentiasa memastikan bahawa hubungan antara kaum dipelihara agar tragedi tidak berulang kembali.

PENUTUP

Tuntasnya, pelbagai kepentingan yang diperoleh apabila kita mempelajari mata pelajaran sejarah. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam memupuk minat generasi muda dalam mempelajari sejarah. Peribahasa Melayu ada menyatakan bagai kacang lupakan kulit perlu kita jauhi agar generasi muda terutamanya sedar

mereka akan menggalas tanggungjawab dalam memacu sebuah negara Madani ke tahap kemajuan yang lebih baik demi kemaslahatan bersama.